

**K'jaan dibidas kerana biarkan amalan salah  
Malaysiakini.com  
May 10, 2011**

Majlis Peguam membidas kerajaan kerana membenarkan laporan polis yang begitu kabur digunakan sebagai asas untuk siasatan tanpa merujuk kesahihan sesuatu laporan itu terlebih dahulu.

Dalam bertindak sedemikian, presiden Majlis Peguam Lim Chee Wee dalam satu kenyataan akhbarnya semalam berkata pihak berkuasa hanya menjadikan sistem undang-undang negara sebagai bahan ketawa orang ramai.

"Ia menggambarkan cukup bagi polis melancarkan siasatan sebaik laporan polis dibuat tanpa perlu menyasat ketepatan laporan seumpama itu.

"Segala proses membuat laporan polis itu menjadikan ia satu pencerobohan kebersendirian (privacy) makan malam dan mesyuarat tertutup pihak penganjur tanpa diketahui pihak yang membuat laporan mempunyai motif lain di sebalik itu," kata Lim.

Menurut beliau lagi, rakyat kemudiannya terpaksa memberi respon kepada siasatan polis yang dilancarkan hanya berdasarkan alasan yang sebegitu kabur bagi mempertahankan kebebasan berhimpun dan bersuara mereka,

Ini mempersendakan prinsip keadilan kerana seseorang tertuduh adalah tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah," kata Lee sampil menambah trend yang bahaya ini mesti dihentikan segera.

Beliau mengilas kekalutan 'konspirasi Kristian' seperti yang dilaporkan pada tajuk utama akhbar milik Umno, Utusan Malaysia Sabtu lalu sehingga menyaksikan puluhan laporan polis dari kedua-dua pihak dibuat di seluruh negara.

Akhbar berkenaan menyiarkan dakwaan dua penulis blog pro-Umno bahawa DAP dan kumpulan paderi Kristian sedang berkomplot menggantikan agama rasmi persekutuan dengan agama Kristian.